



3 LANGKAH MUDAH UNTUK MEMBUKA

AKAUN CDS & AKAUN PERDAGANGAN

Apakah Akaun CDS?

- Akaun Sistem Depositori Pusat (CDS) dimiliki sepenuhnya dan dikendalikan oleh Depositori Bursa Malaysia
- Ia menyimpan rekod pemilikan dan pergerakan saham yang didagangkan di bursa Malaysia

Apakah Akaun Perdagangan?

- Sebagai tambahan kepada akaun CDS, anda juga perlu membuka akaun perdagangan dengan broker.
- Akaun perdagangan digunakan untuk meletakkan pesanan beli atau jual di pasaran saham

Untuk mengambil bahagian dalam pasaran saham, anda perlu membuka akaun CDS dan Akaun Perdagangan. Berikut ialah panduan cepat untuk membantu anda membuka kedua-dua akaun ini.

LANGKAH 1.

Akses laman web Bursa Malaysia dan pilih mana-mana broker saham berlesen yang disenaraikan untuk membuka akaun

www.bursamalaysia.com



LANGKAH 2.

Sebaik sahaja anda telah mengenal pasti broker saham pilihan anda, bawa kad pengenalan dan dokumen bank anda ke pejabat broker saham untuk membuka akaun




LANGKAH 3.

Tunggu notis pengesahan daripada Bursa Malaysia di dalam peti mel anda

Mel ini mengandungi **butiran akaun** anda yang anda akan guna semasa berdagang

Jika anda belum pernah berdagang dan ingin mempelajari asas pelaburan saham, sila pergi ke:

www.bursamarketplace.com



PENAFIAN

Maklumat yang disediakan untuk pengetahuan umum sahaja. Maklumat terkandung tidak membentuk nasihat kewangan atau perdagangan dan ia tidak mengesyorkan mana-mana produk yang dinyatakan di sini. Walaupun langkah berjaga-jaga telah diambil untuk memastikan ketepatan maklumat dalam maklumat ini, Bursa Malaysia tidak menjamin atau memastikan sama ada secara nyata atau tersirat mengenai ketepatan atau lengkapnya maklumat di dalamnya. Bursa Malaysia tidak akan menerima liabiliti untuk mana-mana pelaburan atau keputusan perdagangan yang dilakukan berdasarkan maklumat ini. Anda dinasihatkan untuk mencari penasihat sendiri sebelum melabur dan/atau bergagang.